

# **STRATEGI RAHSIA MEMBINA EMPAYAR SISTEM EJEN DENGAN FORMULA RETM**

Kami sebagai konsultan bisnes dan Marketing Service Provider, dah jumpa dengan ramai Business Owner, Owner Produk yang perlukan bantuan dari segi servis marketing dan training.

Ramai juga diantara mereka yang mencuba Sistem Ejen, tapi mengeluh kerana banyak masalah.

Antara masalah utama ialah

1. Sales Ejen lemau
2. Banyak Ejen tak aktif.

Anda pun sama juga kan?

Ok baik,  
realitinya begini,  
jika mengikut Pareto Principle-nya,  
**hanya 20% sahaja Ejen kita yang akan aktif.**

Dan ini **NORMAL**.

**Katalah kita ada 100 orang Ejen,  
biasanya 10-20 sahaja yang aktif.  
Itu biasa.**

Semua orang mengalaminya.

Dan untuk jadi “**Luar Biasa**” kita nak  
Ejen Aktif kita lebih dari 20% dari total ejen kita.

Sebab itu kena terus cari ejen.

Tapi Ejen ni juga manusia yang minatnya bisnes.

**Dan mereka perlukan makanan.**

## Apakah makanan Para Ejen?

**Makanan mereka = Ilmu & Training.**

Kalau anda tak bagi “makanan” ini,  
Biasanya peratusannya  
akan jadi kurang dari 20% yang aktif.

Mungkin 10% sahaja atau kurang dari tu.

Oleh itu anda tak boleh hanya tahu REKRUT sahaja.  
Boleh kita main KUANTITI, iaitu kita spend masa &  
tenaga kita untuk cari ejen baru.

Tapi kita juga perlu seimbang dengan KUALITI ejen  
yang kita baru rekrut.

Takde lah kita selalu penat dan hampa bila ejen tak aktif  
dan jual produk lain pula.

Jadi untuk jaga kualiti, kita perlu berikan makanan (baca = ilmu & latihan) dan juga bahan & platform untuk menambah nilai dalam hidup mereka.

Dan untuk pengetahuan anda, sudah mula ramai FOUNDER produk sudah mula aktif REKRUT & EDUCATE mereka.

Tapi masih juga masalah yang sama.

Masih lagi di takuk 20% sahaja yang aktif, atau kurang dari situ.

Aik, kata kena bagi makanan, so dah bagi lah ilmu dan training, tapi sama je tak menjadi.

Tak naik pun kualiti mereka.

Iya dong!

Sebab FORMULA-nya tak sempurna.

Begini, saya REVEAL terus FORMULA untuk membina Empayar Ejen yang menjadi Sistem Duit anda.

Perlu diketahui, nak bina “Sistem Empayar” ni bukan senang dan bukan kerja satu malam ya.

Anda lah yang perlu berusaha keras untuk memastikan pembangunan “Sistem Empayar” ini dilakukan dengan betul dan mengikut fasanya.

Begini, ada 4 Fasa atau 4 Formula yang anda perlu buat.

# 4 FORMULA UNTUK BINA SISTEM EJEN MENJADI EMPAYAR DUIT

4 Formulanya ialah **R-E-T-M** :

1. **R**ecruitment
2. **E**ducation
3. **T**ask
4. **M**onitoring

- **R = RECRUITMENT** = Sentiasa mencari atau membuat iklan untuk mendapatkan manusia-manusia yang berminat dan berkemampuan untuk membantu menghasilkan duit kepada projek yang ada.

(Menjadi Ejen anda yang Aktif)

- **E = EDUCATION** = Memberikan ilmu dan kepandaian kepada ejen yang telah mendaftar.

Kerja ini perlu dirangka dan disusun siap sebelum kerja RECRUITMENT dijalankan.

Isi kandungan EDUCATION, boleh digunakan untuk memberikan tawaran-tawaran yang memberi nilai kepada bakal ejen.

- **T = TASK** = Selepas mereka diberikan ilmu bisnes atau ilmu Marketing & Sales, tak guna juga jika mereka tak praktiskan.

Oleh itu, anda perlu berikan mereka TASK (tugasan) atau pun Homework.

Task tersebut WAJIB dihantar kepada anda atau HQ.

Ini penting untuk MENGUKUR beberapa perkara daripada individu berkenaan antaranya;

1. Komitmen & Disiplin
2. Kefahaman
3. Kesungguhan & Kemahuan
4. Hubungan dua hala (good engagement)

- **M = MONITORING** = Selepas TASK tugas diberikan, perlu ada fasa untuk memantau tugas-tugas yang diberikan.

Adakah dijalankan dengan baik?

Apakah hasil (result) yang ingin dicapai..?

Ini fasa MENGUKUR HASIL TUGASAN.

Contohnya, anda buat kelas Copywriting, anda bagi task siapkan 10 Copywriting dalam 5 hari. Jadi selepas submit, monitor kerja mereka dan lihat apa yang boleh IMPROVE.



Jadi kesimpulannya ada 3 FASA yang anda perlu fokuskan untuk aplikasikan Formula RETM.

- **SEBELUM;** R + E
- **SEMASA;** E + T + M
- **SELEPAS;** M + RESULT + IMPROVEMENT  
(daripada Monitoring tu kita dapat result mereka & kita improve)

Sekian dulu buat masa ini dan kita akan sambung sesi pembelajaran kita di emel seterusnya. Buka emel selalu ye? ;)

## **TOLONG!**

Boleh tolong saya 1 perkara? Kalau anda suka dibantu, orang lain juga begitu.

Jadi apa kata kita saling bantu-membantu. Share ebook ini dengan klik butang di bawah sekarang.



Share ebook ini dengan cara ni saja tau.

Pasti kawan-kawan bisnes anda yang memerlukan bantuan akan berterima kasih kepada anda.

Saya doakan bisnes kita semakin berkembang dan berkat. Amin.